

05/12/1997

Abu Hassan sebak di Dewan

SHAH ALAM, Khamis - Sesi menggulung perbahasan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor oleh Datuk Abu Hassan Omar (gambar) hari ini agak emosional terutama ketika beliau menjelaskan isu kos RM5 juta bagi pengubahsuaian kediaman rasmi Menteri Besar.

Dengan nada yang tersekat-sekat selain hampir menitikkan air mata, Abu Hassan memberitahu Dewan: "Sudah berkeluarga dan tidak ghairah untuk tinggal di kediaman rasmi itu kerana saya berasal daripada keluarga miskin.

"Kini terserah kepada wakil rakyat, pegawai kanan dan kakitangan kerajaan, rakyat serta rakan daripada media massa untuk menilai isu ini dan berharap tidak dipolitikkan oleh pihak berkenaan pada masa depan."

Menjelaskan lebih lanjut, Abu Hassan berkata, sebaik dilantik sebagai Menteri Besar, beliau tidak mengambil kira sangat sama ada akan tinggal di kediaman rasmi itu atau sebaliknya.

"Saya dan keluarga saya kini tinggal di Ampang Jaya.

"Kami selesa tinggal di sana, lebih-lebih lagi dalam usia saya yang menjangkau 57 tahun, keinginan berpindah bukanlah keutamaan.

"Bagaimanapun, protokol, tradisi dan kemudahan memaksa sesiapa juga yang dilantik sebagai Menteri Besar untuk tinggal di kediaman rasmi ini," katanya, sekali lagi dengan suara tersekat-sekat.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahu beliau berulang-alik dari Ampang Jaya ke bangunan kerajaan negeri di sini selepas memegang tugas Menteri Besar.

"Saya hanya memberi tumpuan kepada tugas selepas pelantikan itu kerana banyak tugas yang tertangguh sebaik Tan Sri Muhammad Muhd Taib meletakkan jawatan.

"Sebab itu soal pengubahsuaian kediaman rasmi itu saya serahkan kepada profesional menentukannya," katanya.

Sebaik mendapat laporan Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor melalui Pegawai Kewangan Negeri mengenai kos pengubahsuaian itu membabitkan antara RM4 dan RM5 juta, beliau mengakui susah hati.

"Oleh itu, saya arahkan perkara ini dibawa ke mesyuarat mingguan Exco untuk dibincangkan. Setiap ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri dan pegawai kanan kerajaan diminta memberi pandangan dalam mesyuarat itu.

"Mereka sebulat suara bersetuju agar pengubahsuaian itu diteruskan dengan peruntukan RM5 juta kerana ia kediaman rasmi Menteri Besar Selangor, bukan Abu Hassan," katanya.

"Biarpun begitu, saya ada menyarankan supaya kediaman rasmi itu dijadikan taman negeri, biarlah saya berulang alik dari Ampang Jaya ke bangunan kerajaan negeri untuk menjalankan tugas kerana bimbang perkara ini akan menjadi isu.

"Tetapi mereka (exco dan pegawai kanan kerajaan negeri) meminta saya tinggal di kediaman rasmi itu," katanya sambil menahan sebak.

Bagaimanapun, katanya, yang pasti mesyuarat mingguan Exco meluluskan peruntukan pengubahsuaian itu, ketika keadaan ekonomi negara masih baik.

Beliau berkata, sebagai ketua kerajaan negeri yang dilantik oleh Perdana Menteri serta diperkenankan Sultan Selangor, beliau akan bertanggungjawab penuh terhadap isu pengubahsuaian kediaman rasmi ini.

(END)